

Sisi personal Ahmad Sarji

Kosmo 10/10/08 M/s 24

Apakah yang ingin disampaikan oleh wartawan veteran, Lim Chang Moh, menerusi bukunya yang bertajuk, *Ahmad Sarji Attaining Eminence*?

BELIAU dilihat sebagai seorang lelaki yang cekal, memegang integriti dan maruah yang tinggi serta berdedikasi dalam segala bidang yang diceburinya.

Selaku Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang kini menyandang jawatan Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid merupakan penerima Anugerah Tokoh Melayu Terbilang pada tahun ini.

Sumbangan baktinya kepada pembangunan negara tidak hanya terhad dalam bidang pentadbiran awam, tetapi juga sektor ekonomi dan perkembangan intelektual Melayu serta negara.

Menyedari betapa besarnya sumbangan Ahmad Sarji, ia telah mendorong wartawan veteran, Lim Chang Moh merekod bibit-bibit perjalanan hidup anak kelahiran Tapah, Perak itu melalui buku yang bertajuk *Ahmad Sarji Attaining Eminence*.

Chang Moh menyentuh saat kelahiran Ahmad Sarji pada 16 September 1938 di Kampung Batu Tiga, Jalan Temor yang sebahagian besar didiami oleh masyarakat Rawa yang berasal dari Pasaman di Sumatera Barat sebagai satu kebanggaan besar kepada pasangan Mahani Sidek, 17, dan Abdul Hamid Aroop, 27.

Dengan nama yang diberikan oleh datuknya, Mohd Sidek Zainal Abidin yang merupakan seorang imam dan pemilik tanah yang dihormati, anak sulung itu dibesarkan dalam keluarga yang menekankan aspek keagamaan tetapi pada masa yang sama, diberi pendidikan Inggeris.



TANGGA kehidupan anak kelahiran Kampung Batu Tiga, Tapah, Perak ini direkodkan dengan teliti untuk dijadikan contoh dan teladan generasi berikutnya di dalam buku bertajuk *Ahmad Sarji Attaining Eminence*.

Malah, Ahmad Sarji akan bertutur dalam bahasa Inggeris dengan bapa dan adik-beradiknya, manakala bahasa Melayu dengan ibunya.

Pengetahuan tentang bahasa asing itu telah membantu membuka minda anak muda itu terhadap idea dan *trend* Barat sekali gus menyediakannya untuk menerima pendidikan Inggeris.

Sebagai anak muda pada awal tahun 1950-an, Ahmad Sarji tertarik dengan kegemilangan yang mengiringi kehadiran pegawai daerah dan seorang pegawai MCS British di sekolahnya di Tapah.

Malah, peristiwa itu telah mencetus cita-citanya untuk menjadi seorang pegawai daerah iaitu jawatan yang biasanya disandang oleh warga Eropah semasa zaman kolonial apabila beliau dewasa kelak.


Jauh daripada hanya satu impian, cita-cita Ahmad Sarji melampaui lebih daripada apa yang diharapkan.

Beliau memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam pada tahun 1961 sebaik menamatkan pengajian peringkat ijazah sarjana muda dari Universiti Malaya.

"Kegembiraan sebenar bukan datang daripada kesenangan atau kekayaan atau daripada pujian, tetapi daripada melaksanakan sesuatu yang berfaedah," tulis Ahmad Sarji dalam bukunya yang bertajuk *The Chief Secretary To The Government, Malaysia*.

Terus berusaha, ketika berusia 25

AHMAD SARJI ATTAINING EMINENCE



tahun impiannya menjadi pegawai daerah, tercapai apabila dilantik menjadi Pegawai Daerah Rembau pada tahun 1963.

Sejak itu, beliau terus mendaki tangga dalam perkhidmatan awam sehinggalah

dilantik menduduki jawatan tertinggi selaku Ketua Setiausaha Negara pada tahun 1990.

Setelah bersara pada tahun 1996, Ahmad Sarji memulakan bab baru dalam kehidupannya dengan melibatkan diri dalam sektor korporat seperti menjadi Pengerusi PNB dan Northport Corporation Bhd., selain menjadi Timbalan Pengerusi Sime Darby.

Meminati karya seorang lagi tokoh negara, Tan Sri P. Ramlee, Ahmad Sarji mungkin antara segelintir individu yang mempunyai koleksi luas memorabilia, khususnya fotograf dan lagu-lagu seniman tersebut.

Malah, minatnya terhadap arena penulisan dan pengumpulan buku telah membawa kepada penghasilan buku bersama ahli muzik terkemuka, Datuk Johari Salleh yang bertajuk *Irama Lagu P. Ramlee, Gelora, P. Ramlee dan Air Mata di Kuala Lumpur*.

Material yang dikumpul beliau telah mendorong kepada kelahiran sebuah buku ensiklopedia yang bertajuk *P. Ramlee - Erti Yang Sakti*.

Ahmad Sarji juga telah menerbitkan pelbagai buku lain termasuk *Hang Tuah: Tokoh Epik Nasional* dan *Lawn Bowls in Malaysia: The President's Memoir*.

Penerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan Tahun 1420 Hijrah ini turut menyandang jawatan penting lain seperti Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia, Pro Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, Presiden Persekutuan Boling Padang Malaysia dan

Timbalan Presiden Persatuan Kriket Melayu Malaysia.

Sebagai menghargai sumbangannya dalam bidang pentadbiran, perkhidmatan awam dan korporat, beberapa institusi pengajian tinggi telah memberi ijazah kehormat kepada beliau seperti Ijazah Kehormat Kedoktoran Sains (Pengurusan) oleh Universiti Utara Malaysia, Kedoktoran dalam Pengurusan Perniagaan dari Universiti Nottingham Trent, Doktor Persuratan dari Universiti Malaysia Sarawak dan Kedoktoran Pengurusan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Buku *Ahmad Sarji Attaining Eminence* bukan hanya menyentuh tentang individu terbilang ini sebagai tokoh korporat, 'pahlawan' warisan dan pembangunan Islam negara, tetapi turut mendekati pembaca dengan cabaran hidup dan sisi personal lelaki yang berusia 70 tahun ini.

"Nilai seorang individu diadili bukan hanya oleh pencapaiannya tetapi bagaimana beliau berhadapan dengan cabaran dan kesukaran hidup.

"Dalam konteks itu, saya berikhtiar untuk memaparkan Ahmad Sarji dalam buku ini," tulis Chang Moh dalam buku yang diterbitkan MPH Group Publishing Sdn. Bhd. itu.

Sesungguhnya, ketokohan Ahmad Sarji tidak seharusnya dipandang ringan dan harus dicontohi ramai. Segala usaha dan titik peluhnya dicurahkan bukan untuk dirinya, tetapi juga untuk rakyat dan juga negara. - JOHANNA A. SOBREY